

02 MAY 2001

Ghafar-Memorandum

ASPEK UTAMA MEMORANDUM, BANTU TINGKAT EKONOMI, PENDIDIKAN MELAYU

KUALA LUMPUR, 2 Mei (Bernama) -- Soal membaiki kedudukan ekonomi dan pendidikan orang Melayu adalah antara perkara yang termaktub dalam memorandum yang dihasilkan berikutan perhimpunan anjuran Barisan Bertindak Melayu (BBM) pada 4 Feb lepas.

Pengerusi Jawatankuasa Memorandum Kepentingan Melayu, Tun Ghafar Baba hari ini berkata dalam soal pendidikan, jawatankuasa itu mencadangkan supaya diadakan Kongres Pendidikan Bahasa Melayu bagi mengkaji punca keciciran pelajar Melayu dalam bidang pendidikan.

"Walaupun kita tidak mempunyai statistik mengenai keciciran orang Melayu dalam pendidikan dan ekonomi, namun daripada maklumat yang kita terima, keciciran itu memang wujud," katanya pada majlis penyerahan memorandum itu kepada Ketua Penyelaras BBM Datuk Ibrahim Ali di sini.

Seramai 20 anggota jawatankuasa daripada pelbagai latar belakang mengambil masa tiga bulan bagi menyediakan memorandum itu setelah mendapat pelbagai maklumat semasa perhimpunan "Tak Melayu Hilang di Dunia," anjuran BBM itu.

Ghafar berkata kongres itu juga akan dicadangkan supaya mewujudkan Badan Bertindak Pendidikan Melayu.

Katanya, badan itu akan mempunyai jawatankuasa kecil di kampung-kampung yang akan melihat sebarang masalah berkaitan pendidikan di kawasan masing-masing.

"Kita bimbang jika tiada badan tetap yang melihat akan perkembangan pendidikan orang Melayu, kita akan terus ketinggalan," katanya.

Dalam bidang ekonomi, Ghafar berkata jawatankuasa itu mendapati usaha menghapuskan kemiskinan orang Melayu merupakan tugas paling berat.

Beberapa langkah telah dicadangkan dan terpulanglah kepada BBM melihatnya, katanya.

Ibrahim ketika ditemui pemberita berkata beliau berharap memorandum itu dapat diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada pertengahan bulan ini.

Beliau berkata memorandum setebal 40 muka surat itu akan dicetak dan diedarkan kepada agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan, pemimpin Umno dan pusat pengajian tinggi.

Beliau juga berkata walaupun terdapat pelbagai dasar yang dibuat kerajaan bagi membantu orang Melayu, BBM mendapati banyak kekurangan pada peringkat pemantauan dan pelaksanaan dasar berkenaan.

Sementara itu, Ketua Bahagian Umno Gua Musang Tengku Razaleigh Hamzah yang turut berada dalam jawatankuasa yang dipengerusikan Ghafar itu berkata cadangan dalam memorandum itu adalah sebagai tambahan kepada perkara yang telah dibuat oleh kerajaan.

"Kita harap kerajaan dapat memberi perhatian serius atas setiap cadangan yang dikemukakan," katanya ketika ditemui pemberita.

-- BERNAMA

NZ AHH NMO